

# BAB 2

## **BAB 2**

### **PENTERJEMAHAN DAN ASPEK-ASPEK PENTING YANG BERKAITAN DENGANNYA .**

#### **2.0 Pendahuluan**

Penterjemahan merupakan satu bidang ilmu yang kian berkembang hari demi hari ekoran perkembangan pesat dalam bidang maklumat dan komunikasi maklumat. Ledakan maklumat itu tersebar bukan sahaja melalui media masa tradisional sahaja malahan berkembang di alam siber yang berkemungkinan menggabungkan pelbagai ilmu melalui pelbagai bahasa yang digunakan di seluruh dunia. Justeru itu, bidang penterjemahan juga perlu aktif dan sensitif dengan perkembangan tersebut bagi memudahkan pengguna khususnya rakyat Malaysia untuk menguasai maklumat dalam bahasa yang mudah difahami oleh mereka.

Bagi tujuan tersebut, para pengkaji dalam bidang penterjemahan perlu mendalami ilmu berkaitan konsep, teori, model, strategi serta suasana semasa dalam bidang penterjemahan supaya dapat melaksanakan matlamat mereka dengan lebih berkesan di alam siber.

## 2.1 Definisi Penterjemahan

Perkataan terjemah dari sudut bahasa berasal dari perkataan Arab ترجمة yang bermaksud تُبَيِّن menjelaskan atau menerangkan. Dalam bahasa Arab disebut ترجمة الْكَلَام bermaksud عَنْ أَوْ غَيْرِهِ memindahkan ungkapan dari satu bahasa atau ke dalam bahasa yang lain. (Ibrāhīm Anīs 1972:83).

Ibn. Manzūr (t.t.:12:22) telah mengaitkan perkataan ترجمة dengan perkataan “*ul-Tarjaman*” atau “*al-Turjuman*” yang bermaksud pentafsir (orang yang menafsirkan al-Quran). Pendapat beliau telah disokong oleh Munīr Ba'lbakkiy dalam kitabnya *al-Mawrid* (1995:984). Menurut beliau, perkataan “*translate*” sama ertiannya dengan تُبَيِّن, iaitu menjelaskan atau menerangkan. Selain daripada itu, ia juga bermaksud “*memindahkan*” seperti yang terkandung dalam frasa يَسْقُلُ مِنْ مَكَانٍ إِلَى آخَرَ, iaitu memindahkan dari satu tempat ke tempat lain.

Sementara itu, Jonatan Crowther dalam *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English* (1998:1270) lebih cenderung mendefinisikan perkataan “*translate*” sebagai “*to change something spoken or written into an other language*” iaitu menukar sesuatu bentuk ujaran atau penulisan ke dalam bahasa lain. Melalui definisi-definisi di atas, penterjemahan membawa maksud *proses menerang, memindah, dan menukar*.

perkataan dari bahasa sumber ke dalam bahasa Sasar.

Sementara itu, bagi ahli-ahli linguistik dan pakar terjemahan mereka mempunyai definisi yang agak berbeza dan lebih bersifat praktikal. Ini adalah kerana kebanyakkan definisi yang dibuat mengambil kira pengaruh bidang-bidang lain dalam linguistik seperti semantik (*kajian makna pada peringkat perkataan dan ayat*), pragmatik (*kajian penggunaan bahasa dalam menggambarkan maksud sebenar sesuatu situasi tertentu*), morfologi (*kajian asal-usul binaan sesuatu perkataan*), sintaksis (*kajian nahu dan tatabahasa*) dan sebagainya. Tambahan pula, definisi terjemahan itu dirumuskan setelah proses terjemahan itu selesai dijalankan ( Laurent Metzger 1983 : 85 )

Seorang ahli linguistik dan juga pakar terjemahan yang terkenal dari Amerika Syarikat Eugene Nida (1959:19) menggambarkan maksud terjemahan seperti berikut:

*"Translation consists in producing in the receptor language the closest natural equivalent to the message of the source language, first in meaning and secondly in style".*

Melalui keterangan di atas, beliau mendefinisikan penterjemahan sebagai penghasilan sesuatu karya (karya terjemahan) yang mempunyai persamaan dinamik/sejati dengan kandungan bahasa sumber (bahasa asal) dalam dua aspek : pertama; makna dan kedua, gaya bahasa.

Manakala seorang pakar terjemahan bahasa Arab Mahdi Budayrah (1975:7) telah mendefinisikan penterjemahan sebagai pemindahan pelbagai idea dan perkataan dari satu bahasa ke satu bahasa lain dengan memelihara inspirasi teks terjemahannya. Di samping itu, C. Rabin dalam Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa (1985:237) telah

nendefinisikan terjemahan seperti berikut:

*".... Pengajaran yang ditulis atau yang diucapkan berlaku dalam satu bahasa dan disampaikan dalam satu bahasa yang lain dalam bentuk yang menepati maksud keseluruhan ujaran atau tulisan dalam bahasa yang asal ".*

Menurut seorang pakar penterjemahan Arab-Melayu Muhammad Bukhari Lubis (1998:6), penterjemahan ialah memindahkan pelbagai idea dan perkataan dari satu bahasa ke satu bahasa yang lain di samping memelihara maksud teks yang diterjemahkan. Beliau turut memberi penekanan, jika perkataan yang membentuk binaan tadi terdiri daripada struktur bahasa, maka kaedah bahasa merupakan acuan yang membentuk pelbagai idea dan ayat.

Definisi di atas telah disokong oleh Ainon Khairiah dalam Dewan Bahasa dan Pustaka (1985:237) yang memetik pendapat ahli linguistik barat bahawa penterjemahan merupakan satu kegiatan memindah teks ke dalam bahasa yang lain dengan mengekalkan maksudnya. Seterusnya, beliau menambah pendapat di atas dengan pandangan T.Savory dalam *"The Art of Translation"* yang mengharuskan penyimpangan pada waktu-waktu dan tempat-tempat tertentu jika keadaan mengizinkan. Malang sekali pendapat T.Savory ini telah ditentang hebat oleh ahli linguistik barat.

Walau bagaimanapun, pendapat ini telah disokong oleh pakar linguistik tempatan Asmah Haji Omar dalam Dewan bahasa & Pustaka (1985:238) yang mengharuskan penyimpangan terutamanya dalam karya-karya kreatif. Ini tergambar melalui kenyataan beliau:

*"Dalam sebuah terjemahan, seseorang penerjemah berhak menambah atau mengurangi sesuatu, asalkan tindakannya itu tidak merosakkan maksud pengarangnya. Tegasnya, sesuatu tambahan itu boleh dilakukan untuk menerangkan sesuatu yang dalam karya asli kurang jelas, dan pengurangan boleh terjadi jika sesuatu keterangan dalam karya asli diulang-ulang dalam jarak yang sangat dekat, sehingga terjemahannya kelihatan aneh dan berlebih-lebihan".*

Bagi Lefevere (1992: 11) pula, beliau mempunyai tanggapan yang menarik berkenaan terjemahan. Beliau melihat penterjemahan bukan sahaja sebagai proses mematuhi dan menggunakan peraturan, tetapi juga proses membuat keputusan untuk membawa teks merentas sebuah kebudayaan tertentu dan pada masa yang tertentu. Beliau menganggap penterjemahan sebagai "pertukaran budaya" atau "perundingan antara dua budaya" (acculturation).

Di dalam bahasa Arab penterjemahan dapat di fahami melalui frasa "*al-Tabādul al-Thaqāfiy Baina al-Syu'ūb al-Mukhtalifah*", iaitu proses pertukaran kebudayaan antara masyarakat yang berbilang bangsa (Munir Ba'labbakiy 1996:328).

Melalui definisi dan juga pandangan yang telah dikemukakan oleh pakar-pakar terjemahan yang tersebut di atas, penulis dapat merumuskan maksud terjemahan seperti berikut:

- i. Proses pemindahan dan menukar pelbagai idea dari bahasa sumber ke bahasa sasar.
- ii. Proses pembikinan, penghasilan dan penerbitan semula teks (reconstruction and recasting)

- iii. Penterjemahan sebagai proses (acculturation), iaitu pertukaran budaya atau perundingan antara dua budaya.

Menurut L.Metzger (1983: 92) terdapat ciri-ciri penting dalam penterjemahan yang boleh didapati melalui definisi terjemahan oleh-pakar-pakar dalam bidang ini. Ia boleh dirumuskan seperti berikut:

- i. Mestilah ada keseimbangan maksud antara bahasa teks asal dengan bahasa sasar.
- ii. Pencarian persamaan. Para pakar teori penterjemahan menyedari bahawa teks terjemahan tidak boleh dipindahkan ke dalam satu bahasa lain seratus peratus, tetapi teks sasaran mesti mempunyai persamaan terdekat dengan teks sumber.
- iii. Kepentingan teks yang mesti diterjemahkan. Teks merupakan satu kumpulan gabungan perkataan dalam satu sistem bahasa yang rumit. Ini adalah kerana perkataan-perkataannya saling terikat di antara satu sama lain.

## 2.2 Konsep Penterjemahan

Umumnya, aktiviti penterjemahan dikaitkan dengan pemindahan pelbagai idea daripada satu bahasa sumber ke bahasa sasaran dengan memelihara maksud asal teks tertentu berdasarkan prinsip dan dasar penterjemahan sebagaimana yang disebut dalam definisi terjemahan.

Justeru itu, ia merupakan proses pemindahan idea, ketepatan sesuatu karya

terjemahan dengan maksud pengarang asal sangatlah dititikberatkan. Tambahan pula ia merupakan kriteria utama untuk mengukur mutu sesuatu terjemahan. Fakta ini dapat di perkukuhkan lagi dengan penjelasan daripada Ainon Muhammad (1985:294 ) seperti berikut:

*"Ukuran sama ada sesuatu terjemahan itu betul atau salah ditentukan oleh pembaca yang dimaksudkan, iaitu sama ada mereka memahami dengan tepat terjemahan tersebut. Dan yang dititikberatkan bukanlah setakat pembaca mungkin faham, tetapi supaya ia pasti faham apa yang di maksudkan dalam terjemahan tersebut".*

Ini adalah kerana seseorang yang mempunyai kemahiran dalam bahasa sumber dan bahasa Sasaran yang baik tidak semestinya dapat menghasilkan terjemahan yang tepat, baik dan menyerupai versi asal dari segi kandungan dan juga gaya bahasanya. (Koh Booh Boon 1985: 295)

Sementara itu, Azizah Mokhzani (1985: 256) menjelaskan bahawa kualiti dan ketelitian dalam penterjemahan juga merupakan unsur yang penting di dalam menentukan mutu sesuatu terjemahan. Menurutnya lagi, sesuatu terjemahan yang baik dapat meningkatkan martabat sesuatu bahasa, tetapi sebaliknya jika terjemahan itu buruk ia tidak lain hanya meruntuhkan dan memusnahkan bahasa itu. Selanjutnya, kualiti terjemahan dapat dinilai melalui dua aspek berikut:

### **1. Isi kandungan yang tepat dengan teks asal**

Untuk menghasilkan terjemahan yang tepat dengan teks asal, penterjemah perlu bijak berhadapan dengan cabaran-cabaran yang terdapat dalam setiap teks yang diterjemahkan. FIT (Federation Internationale de traducteurs), iaitu gabungan

Penterjemahan Antarabangsa telah mengklasifikasikan teks terjemahan kepada dua teks yang besar, iaitu teks sastera dan teks sains/teknologi.

Teks sains memberikan cabaran dalam menterjemahkan konsep-konsep baru dan padanan istilah yang sesuai, manakala teks sastera pula membawa cabaran dari segi menterjemahkan maksud yang berlapis-lapis, cita rasa, kepekaan, dan budaya bahasa sumber. Hal ini perlu dilakukan untuk memastikan kekeliruan pada maksud itu tidak berlaku dan ketepatan isi kandungan teks asal terpelihara.

**2. Bahasa yang digunakan hendaklah jelas dalam penyampaian, lancar dalam penggunaan dan indah dalam bacaan.**

Bahasa dalam teks terjemahan haruslah mencerminkan tahap dan laras bahasa teks asal sama ada ia menggunakan laras akademik, bahasa suratkhabar, bahasa untuk kanak-kanak atau bahasa yang bersifat poetis dan romantis. Bahasa teks terjemahan juga perlu disesuaikan dengan bidang-bidang tertentu seperti undang-undang, perakaunan, perubatan dan sebagainya.

Menurut Koh Booh Boon (1985: 291 ) Menghasilkan karya terjemahan yang bermutu adalah satu proses yang amat kompleks. Oleh yang demikian, ada sesetengah pengkaji berpendapat penterjemahan sesuatu karya mungkin lebih sukar daripada penulisan karya itu sendiri.

Menurutnya lagi, kerumitan proses penterjemahan dapat diperlihatkan dalam proses penterjemahan ayat bahasa Inggeris "*The steam of the tree called its trunk*".

Terjemahan secara literalnya ialah “*Batang sebatang pokok dinamakan batangnya*”. Terjemahan tersebut kelihatan janggal disebabkan bahasa Inggeris mempunyai dua sinonim bagi perkataan “*trunk dan steam*” ia membawa konsep yang serupa, iaitu “*batang*” manakala bahasa Malaysia tidak mempunyai sinonim yang serupa.

Menurut Syed Nurul Akla (2000: 952) dalam bidang terjemahan Arab-Melayu, terdapat banyak kesulitan-kesulitan yang perlu diatasi oleh penterjemah. Kesulitan ini dapat kita lihat melalui terjemahan karya klasik Arab “*Rihlah Ibn Baṭūṭah*” (pelayaran Ibn. Batutah). Karya ini tergolong dalam *adab al-rihlah* (sastera pengembalaan) yang mengandungi pengetahuan tentang geografi, sejarah, antropologi, dan budaya.

Di samping menterjemahkan teks dalam karya Arab “*Rihlah Ibn Baṭūṭah*” ke dalam bahasa Melayu, beliau turut memberikan ulasan (description) terhadap teks tersebut secara terperinci. Pelikan teks tersebut dapat dilihat seperti berikut:

حَكَايَةُ الْحَسَنِ الْمَخْتُونِ ..... وَإِذَا جَاءَ حَاجَّاً خَرَجَ إِلَى السُّوقِ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ فَيَقْصُدُ حَانُوتًا مِّنَ الْحَوَانِيْتِ فَيَأْكُلُ مِنْهَا مَا أَحَبَّ لَا يَصْدُهُ أَحَدٌ، وَلَا يُمْنَعُهُ مِنْ كُلِّ يُسْرٍ كُلُّ مِنْهُ أَكَلَ لَهُ شَيْئًا، وَتَظَهُرُ عَلَيْهِ الْبَرَكَةُ وَالنَّمَاءُ فِي بَيْعِهِ وَرِبَّاجِهِ. وَمَتَى أَتَى السُّوقَ تَطَافَلَ أَهْلُهَا بِاعْتِنَاقِهِمْ إِلَيْهِ كُلُّ مِنْهُمْ يَحْرُصُ عَلَيْهِ أَنْ يَاكُلَّ مِنْ حَانُوتِهِ لِمَا حَرَبُوهُ مِنْ بُرُكَتِيهِ

Maksudnya:

“Kisah Hassan yang gila.....apabila ia berasa lapar, Hassan akan keluar ke pasar yang terletak di antara Safa dan Marwah. Pada

*kebiasaanya, dia akan pergi ke sebuah kedai dan akan memakan apa sahaja yang disukainya tanpa ada sesiapa yang menghalangnya. Malah orang ramai akan berasa gembira jika Hassan mengambil makanan daripada mereka. Ini kerana, perniagaan mereka ternyata laris manakala keuntungan yang diperolehi akan berlipat ganda sebaik sahaja Hassan mengunjungi kedai mereka. Oleh itu, setiap kali Hassan tiba di pasar, mereka pasti mengalu-alukannya dan beria-ria meminta Hassan memakan makanan mereka kerana mahukan keberkatannya.”*

Kritikan:

Dalam contoh ini, frasa *تَطَّاولُ أَهْلَهَا بِأَعْنَاقِهِمْ إِلَيْهِ* bermaksud “mereka

*memanjangkan leher ke arahnya*”. Dalam bahasa Melayu ungkapan “mereka memanjangkan lehir ke arahnya” membawa maksud yang tidak baik, seperti meniru atau mengintai-intai orang lain. Oleh sebab itu, penterjemah perlu mencari pilihan lain untuk menggambarkan maksud asal. Ungkapan “*mengalu-alukan dan beria-ria memintu.....*” merupakan penterjemahan yang dapat menggambarkan keadaan peniaga yang bersungguh-sungguh mengajak Hassan masuk ke kedai masing-masing.(Syed Nurul Akla 2000: 968).

### **2.3 Penerapan Teori Semantik Dalam Penterjemahan.**

Sebagaimana yang dinyatakan dahulu bahawa penterjemahan merupakan proses pemindahan pelbagai idea dari suatu bahasa sumber ke bahasa sasaran dengan memelihara maksud asal teks tertentu berdasarkan prinsip dan dasar penterjemahan. Ini bermaksud hubungan semantik dan penterjemahan memainkan peranan yang penting dalam memadankan dan memindahkan makna sepenuhnya ketika proses penterjemahan dilakukan. Perbincangan dalam disiplin penterjemahan ini tidak memadai sekiranya

perbincangan mengenai semantik dan penterjemahan tidak disertakan bersesuaian dengan peranannya yang penting dalam ilmu linguistik.

Kata semantik berasal dari bahasa Yunani “*sema*” yang bermaksud menunjukkan sesuatu “*sign*” sebagai satu istilah yang khusus bagi salah satu bidang linguistik yang mengkaji tentang makna. Perkataan ini digunakan buat pertama kalinya oleh Michel Breal seorang ahli filolog (linguistik perbandingan) Perancis pada tahun 1883. (John Lyons 1993: 444, Abdullah Hassan 1981:224).

Menurut John Lyons (1993. 444), bidang semantik akhirnya menjadi panduan yang praktik yang dapat dilihat terutamanya dalam bidang perkamus dan peristilahan sepanjang zaman bukan sahaja di Barat bahkan juga di seluruh dunia yang mengkaji bahasa. Sungguhpun begitu, bidang kajian semantik ini agak diabaikan dalam kajian linguistik moden disebabkan oleh perasaan sangsi sama ada makna itu boleh dikaji secara objektif atau tidak.

Bidang semantik jika dihubungkan dengan bidang-bidang yang lain, ia akan membawa pengertian yang berbeza-beza. Sebagai contoh, dalam bidang linguistik, semantik dianggap sebagai kajian tentang makna dalam bahasa, manakala dalam bidang logik (mantiq), ia dianggap sebagai rujukan linguistik atau denotasi dalam bahasa. Bidang-bidang lain pula, seperti falsafah, psikologi (kajian tentang aspek-aspek pemikiran dan fungsinya), dan sains komputer, kerap meninjau pengertian daripada kedua-dua makna. (Andrian Akmajian 1995: 222).

Perbincangan tentang penerapan teori semantik dalam penterjemahan dapat dilihat dengan jelas melalui pengakuan Nida (1977:483) yang berbunyi:

*“.....developments in linguistic theory have shade important light upon the theory and practice of the translation.....”.*

Menerusi pengakuan Nida ini, boleh dikatakan bahawa teori semantik linguistik memainkan peranan yang penting dalam membantu aktiviti penterjemahan.

Menurut Yap Eng Moi (1985:277) terdapat dua teori semantik linguistik yang utama. Teori tersebut ialah pertama: teori semantik interpretif, kedua: teori semantik generatif. Kedua-dua teori ini mempunyai ciri yang berbeza dengan teori-teori semantik yang dilahirkan oleh ahli-ahli falsafah, psikologi, komunikasi, dan antropologi budaya seperti teori Referensi, teori Mentalis, teori behaviouris dan teori makna ditinjau dari segi penggunaannya. Teori-teori ini hanya mengkaji makna pada peringkat kata atau rentetan kata (frasa) sahaja, sedangkan teori semantik interpretif dan teori sementik generatif menganalisis makna pada peringkat binaan struktur sintaksis.

Teori semantik interpretif telah dipelopori oleh Chomsky (1965), Jackendoff (1969) dan Katz (1966), manakala teori sementik generatif pula dipelopori oleh McCawley (1968), Lakoff (1968), Postal dan Ross (1967) (Yap Eng Moi 1985:277).

### **2.3.1 Teori Semantik Interpretif**

Menurut Yap Eng Moi (1985:277), teori ini dikatakan lahir setelah munculnya kajian-kajian yang termuat dalam tulisan *The Structure of Semantic Theory* oleh Katz dan

Fodor (1963) dan *An Integrated Theory of Linguistic Description* karya Katz dan Postal (1964). Menurut Katz dan Fodor pengetahuan linguistik seseorang dapat dipisahkan daripada pengetahuannya yang lain.

Teori semantik ini berperanan memberikan terjemahan kepada ayat-ayat yang dihasilkan (diterbitkan) oleh manusia dalam proses komunikasi. Hal ini telah mendorong Chomsky untuk menghasilkan karya yang bertajuk *Aspects of the theory of syntax* (1965). Dalam karyanya, Chomsky mengatakan semantik sesuatu ayat itu ditentukan oleh struktur dalaman sintaksis. Simbol-simbol yang wujud berperanan mentafsir (interpret) erti sesuatu ayat. Menurutnya lagi, erti tidak berubah walaupun struktur dalaman mengalami proses transformasi daripada bentuk dalaman (struktur dalaman) kepada bentuk luaran (struktur luaran). (Yap Eng Moi 1985:277).

Walau bagaimanapun, Chomsky kemudiannya mengakui bahawa makna bukan sahaja ditentukan oleh struktur dalaman tetapi struktur permukaan (luaran) juga turut menentukan erti ayat setelah menemui bukti-buktii empirikal (bukti yang berdasarkan kajian dan ujikaji). Ini bererti sebahagian daripada informasi semantik terutamanya yang menyentuh aspek-aspek penafian (negation) dan kuantiti (quantification) tidak terdapat dalam struktur dalaman sintaksis tetapi terdapat dalam struktur permukaan (luaran).

### 2.3.2 Teori Semantik Generatif

Teori semantik generatif juga dikenali sebagai sintaksis semantik (semantic syntax). Menurut pengkaji teori ini Yap Eng Moi (1985: 280) aliran ini mendakwa struktur dalaman sintaksis dengan perlambangan (representation) semantik adalah sama

(Jacobsen (1977:95). Teori ini mengatakan, apabila manusia ingin menyampaikan sesuatu makna (erti), ia akan membentuk ayat-ayat daripada kata-kata (item-item leksikon). Oleh yang demikian, komponen semantik dan komponen struktur dalam sintaksis sebenarnya tidak perlu wujud, apa yang perlu wujud hanyalah perlambangan semantik yang dihalakan kepada struktur permukaan. Teori-teori semantik linguistik yang disebutkan di atas dapat mengkaji hal-hal berikut:

**1. Perbezaan di antara perkataan yang bermakna dan yang tidak bermakna (meaningfulness and meaninglessness).** Dari sudut perkataan yang bermakna dan yang tidak bermakna (meaningfulness and meaninglessness), penterjemah yang menterjemahkan ayat dari bahasa sumber ke bahasa sasar, misalnya bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu mesti memastikan sesuatu terjemahan itu bermakna. Sebagai contoh:

- 1a). *My mother is working in the Kuala Lumpur General Hospital*
- 1b). Emak saya bekerja di Rumah Besar Sakit Kuala Lumpur

Frasa nama *Kuala Lumpur General Hospital* tidak boleh diterjemahkan *Rumah Besar Sakit Kuala Lumpur*. Ini adalah kerana, kata sakit menerangkan rumah besar, sedangkan yang dimaksudkan ialah rumah sakit (hospital) yang besar.

**2. Sama erti dan tidak sama erti (synonymy or sameness).** Hal ini terjadi apabila proses penterjemahan melibatkan perkataan yang ada kesamaan dalam bahasa Melayu, contohnya:

- a). *He was charged with murder*
- b). *The charged was one hundred dollars.*
- c). *He was charged with the task of keeping the company's account.*

Dalam bahasa Melayu, perkataan *charge* mempunyai maksud-maksud seperti *tuduhan*, *bayaran* dan *tugas*. Oleh yang demikian, perkataan *charge* dengan maksud *tuduhan* tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya untuk penterjemahan *charge* dengan maksud yang sama dalam ayat yang lain. Dalam hal ini, penterjemah harus mencari padanan kata yang sesuai bagi maksud perkataan *charge* itu.

Dalam bahasa Arab, terdapat banyak perkataan yang mengandungi makna yang banyak. Contohnya “*Daraba* دَرَبَ” (Ibrāhīm Mustafā 1972:536) mengandungi maksud seperti berikut:

- i. Menimpa (bencana/malapetaka) berdasarkan ayat al-Qurān وَضَرَبَتْ عَلَيْهِمُ الْذَّلَّةُ وَرَبِّ الْمَسْكَنَةُ yang bermaksud “.... *Ditimpakan ke atas mereka dengan kehinaan dan kemiskinan*”. (al-Baqarah:61)
- ii. Pergi merantau atau berhijrah berdasarkan ayat al-Qurān وَآخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَتَعَوَّنُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ yang bermaksud “.... *yang lain pergi merantau di atas muka bumi mencari (sesuatu) kurniaan Allah*”.(al-Muzzammil : 20)

- iii Berenang berdasarkan ayat ضَرَبَ فِي الْمَاءِ yang bermaksud "...berenang di dalam air".
- iv Menjadikan contoh teladan berdasarkan ayat al-Quran رَاضِرُ لَهُمْ مُثُلاً أَصْحَابَ الْفَرِيَةِ yang bermaksud "...jadikanlah (sikap atau pendirian) penduduk kampung itu sebagai contoh teladan" (Yasin:13).

3. **Kekaburuan makna (ambiguity)**, masalah ini sering berlaku ketika proses penterjemahan dijalankan dan menyukarkan kerja-kerja penterjemahan. Dalam hal ini, ia boleh diselesaikan dengan melihat konteks sesuatu ayat, iaitu dengan wacana dan urutan penceritaan. Teori *Rivised Extended Theory* (REST) yang menekankan perlunya diambil kira faktor konteks itu lebih membantu penterjemah mengatasi masalah ini. Contohnya:

- a). *He found a bat*
- b). *couldn't bear children*

Ayat di atas dapat diterjemahkan sebagai:

- a1) Dia terjumba seekor kelawar atau
- a2) Dia terjumba sebatang kayu pemukul bola
- b1) Dia tidak boleh melahirkan anak (mandul) atau
- b2) Dia tidak tahan dengan telatah anak-anaknya yang terlalu nakal

Penggunaan padanan kata dalam proses penterjemahan di atas kemungkinan bergantung kepada konteks wacana atau penceritaan. Justeru itu, kata “*bear*” mungkin bermaksud melahirkan atau tidak tahan. Seringkali didapati satu perkataan dalam bahasa sumber dapat diterjemahkan kepada padanan yang banyak dalam bahasa sasar. Ini adalah kerana, perkataan tersebut mempunyai *medan makna* yang luas seperti bahasa Inggeris hanya mempunyai satu istilah untuk padi, beras, nasi, antah dan gabah, iaitu “*rice*”.

4. **Makna yang berlebihan**, ia merupakan satu aspek dalam teori Katz. Walau bagaimanapun, berlebihan erti atau pembaziran (redundancy) dalam penterjemahan perlu dielakkan. Ini adalah kerana pemilihan perkataan yang tepat lebih diutamakan. Contohnya:

- a) *She carried her baby in her arms.*
- b) *I carried the water pitcher on my head.*

Terjemahannya ialah:

- a) Dia mendukung anaknya (bukannya, Dia mengangkat anaknya dengan tangan)
- b) Saya menjunjung bekas air itu. (bukannya, Saya mengangkat bekas air itu di atas kepala saya)

Menurut teori Katz (1985:284), ayat di atas dianggap membazir jika sekiranya terjemahan ayat “*I carried the water pitcher on my head* ialah *Saya mengangkat bekas air*

*itu di atas kepala saya*". Hal ini dapat dielakkan dengan menukar frasa di atas dengan perkataan "menjunjung" yang membawa maksud mengangkat sesuatu ke atas kepala.

Justeru itu, teori semantik Katz dapat diterapkan dalam penterjemahan yang bersifat penterjemahan kata demi kata "*literal translation*" atau yang bertujuan menyampaikan erti linguistik. Manakala teori REST Chomsky pula membantu melicinkan usaha menterjemahkan aspek-aspek bahasa dan semantik yang bersifat "*idiomatic atau speaker meaning*", yakni sementik, bukan linguistik seperti sistem budaya dan pandangan dunia masyarakat (Yap Eng Moi 1985:283).

## 2.4 Teori-Teori Penterjemahan.

Sesuatu yang menarik untuk diperkatakan mengenai teori penterjemahan ini ialah teori-teori yang dikemukakan selepas terjemahan dijalankan, kemudian baru mereka mengumpulkan pendapat mereka dan mengemukakannya sebagai teori.

Menurut Laurent Metzger (1983: 85) teori penterjemahan dikesan muncul sebelum abad kedua puluh lagi. Walau bagaimanapun, teori ini hanyalah dalam bentuk panduan atau nasihat mengenai kaedah penterjemahan. Oleh yang demikian, nama-nama seperti Etienne Dolet (1509-1546), dan Perrot d'Ablancourt (1606-1664) di Perancis dan juga Chapman (1559-1635), Dryden (1611-1700), dan Pope (1688-1744) di Britain sering ditemui dalam bidang penterjemahan. Menjelang abad kedua puluh, seorang pakar linguistik Jerman Jumplet (1961) telah menamakan era tersebut sebagai "*Era Penterjemahan*" atau "*Era Reproduksi*" .

Kajian yang telah dijalankan oleh L.Metzger menunjukkan di antara tahun 1963 hingga tahun 1981 terdapat empat kajian mengenai teori penterjemahan yang penting, iaitu kajian Mounin 1963 di Perancis di dalam bukunya "*Les Problemes Theoriques de la Traduction*" (Masalah-masalah penterjemahan), diikuti dengan kajian Nida di Amerika Syarikat pada tahun 1964, dalam bukunya "*Towards A Science of Translating*" (Menjelang satu Sains Penterjemahan). Setahun kemudian muncul pula kajian di Britain oleh Catford 1965 dalam bukunya "*A Linguistic Theory of Translation*" (Satu Teori Linguistik dari Penerjemahan). Pada tahun 1978 muncul pula teori yang dipelopori oleh seorang Profesor dari Universiti Montreal Mel'cuk yang bertajuk "*Theorie de Langage, Theori de Traduction*" (Teori Bahasa, Teori Penterjemahan).

Setelah ditelusuri dengan lebih mendalam lagi dalam kajian ini, penulis mendapati tidak ada lagi teori dalam bidang terjemahan yang muncul selepas tahun 1981. Hal ini telah diakui sendiri oleh Laurent Metzger (1983:86) dengan katanya:

*"Memang kita tidak dapat menafikan bahawa tidak ada teori penterjemahan yang lain, tetapi dalam kertas kerja ini kita hanya ingin memberi satu contoh dari teori ini, baik berasal dari mereka mahupun yang berasal dari Eropah".*

Teori-teori yang akan diketengahkan dalam kajian ini berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Laurent. Teori-teori tersebut termasuklah teori Mounin (1963), teori E. Nida (1964), teori Catford (1965) dan teori Mel'cuk (1978).

#### **2.4.1 Teori Mounin (1963)**

Beliau mempunyai pandangan yang agak menarik dalam bidang penterjemahan seperti berikut:

1. Penterjemahan merupakan titik penghubung di antara dua bahasa. Justeru, ia pasti akan menghadapi beberapa gangguan ketika proses penterjemahan dijalankan. Oleh yang demikian, menurut beliau teori penterjemahan perlu menjadi sebahagian dari ilmu linguistik.
2. Halangan-halangan yang wujud dalam penterjemahan adalah kerana bahasa yang menentukan pandangan terhadap dunia. Dalam kata lain, dunia boleh dilihat melalui bahasa ibunda. Jadi sesuatu pengalaman yang diperolehi itu berlainan sepertimana bahasa itu juga berlainan. Georges Mounin juga turut mengemukakan pandangannya tentang perbezaan di antara ilmu linguistik dalaman (bahasa menentukan segi pandangan dari dunia) dengan ilmu linguistik luaran (gabungan linguistik dengan bidang-bidang lain contohnya antropologi dan sosiologi). Dengan ini ia mampu membezakan pandangan terhadap dunia yang berlainan.
3. Menurut Laurent Metzger (1983:86), Mounin 1963 turut mengenalpasti empat jenis bidang yang sering menimbulkan masalah dalam proses penterjemahan. Bidang-bidang tersebut

adalah; bidang ekologi (*bidang yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan, hidupan-hidupan dan alam sekitar*), bidang teknikal, bidang sosial (*kemasyarakatan*) dan bidang ideologi (*pemikiran*). Sebagai contoh dalam bidang ekologi terjemahan boleh dilakukan terhadap empat musim yang berlaku di Eropah dan dalam bahasa Maya (digunakan di Mexico) hanya mempunyai dua musim. Dalam bidang teknikal pula, terjemahan istilah “*kota*” untuk satu kaum Nomad yang sentiasa mengembara. Manakala dalam bidang sosial kesukaran yang dihadapi ialah seperti menterjemahkan istilah hubungan-hubungan kekeluargaan yang berlainan ke dalam satu bahasa yang mempunyai struktur-struktur keluarga yang berlainan.

4. Pentakrifan adalah sesuatu yang penting dalam penterjemahan. Terdapat empat jenis takrif, iaitu takrif lengkap mengandungi semua sifat yang dimiliki oleh istilah yang diuraikan, takrif yang menerangkan, takrif genetik yang menghuraikan antara sebab dan akibat dan yang terakhir takrif yang mengandungi sifat-sifat khusus.
5. Wujudnya kesukaran dalam pemindahan makna dari bahasa sumber ke bahasa Sasaran. Oleh yang demikian, apa yang penting ialah kesampaian nilai-nilai perasaan dalam penterjemahan. Menurut Laurent Metzger (1983:87), Mounin berpendapat istilah “*monem*” merupakan unit yang bermakna yang paling kecil,

sedang “*fonem*” merupakan unit yang tidak bermakna paling kecil.

Beliau lebih cenderung dengan aliran (mazhab) De Saussure, pakar linguistik dari Jerman. Mounin berpendapat senarai “*monem*” lebih terbuka (istilah tercipta setiap hari) sebaliknya fonem lebih tertutup.

6. Analisis terhadap laras-laras bahasa boleh membantu proses penterjemahan. Penterjemah perlu menguasai kedua-dua bahasa (sumber dan sasar), bidang karya yang diterjemahkan dan juga etnografi (*gambaran tentang perbezaan kebudayaan antara kaum*). Hal ini mempunyai persamaan dengan apa yang dinyatakan oleh Syed Nurul Akla (2000:959) yang memetik pandangan Lefevere, iaitu melihat penterjemahan sebagai proses pertukaran budaya (acculturation), kemudian menganalisis teks dari sudut makro ke sudut mikro, iaitu dari budaya ke teks dan seterusnya dari struktur teks ke perenggan, baris, frasa, dan perkataan. Pada peringkat mikro, penterjemah harus menggunakan semua teknik linguistik dan *hermeneutik* (*teori terjemahan yang mengkaji prinsip asas dalam terjemahan teks, khususnya teks agama*) yang telah dipelajari.

#### **2.4.2 Teori Nida (1964)**

Menurut Laurent Metzger (1983: 88), pengalaman menterjemahkan buku-buku dari kumpulan “*Bible Society*” telah memberikan kelebihan kepada beliau berbanding

pakar-pakar penterjemahan yang lain. Hal ini terjadi disebabkan "Bible" merupakan sebuah buku yang paling banyak diterjemahkan di dunia. Nida telah mengemukakan teori penterjemahan dalam bukunya "*Towards A Science of Translation*". Ringkasan terhadap teori Nida ini dapat dilihat seperti berikut:

1. Makna merupakan elemen yang penting dalam penterjemahan. Nida menganggap makna bukanlah sesuatu yang mudah, tetapi menyatakan makna sesuatu perkataan ialah "*satu kumpulan hubungan yang menggunakan satu lambang ejaan*".
2. Nida (1975:14) telah mengkategorikan makna kepada tiga kategori. Pertama ialah makna linguistik, iaitu makna biasa bagi sesuatu perkataan (makna kamus). Makna yang kedua ialah makna rujukan (ensaiklopedik). Makna ini hanya boleh diperolehi melalui rujukan sahaja. Makna yang ketiga ialah makna emosi, iaitu istilah yang digunakan tetapi membawa makna yang sama seperti "*bulan madu*", "*bodoh*", "*jelita*" dan sebagainya.
3. Menurut Laurent Metzger (1983:88) lagi, Nida telah mengkategorikan terjemahan kepada dua kategori, iaitu penterjemahan formal dan penterjemahan dinamis. Penterjemahan formal ialah penterjemahan yang mengikut teks sumber dari dekat (penterjemahan perkataan demi perkataan), manakala penterjemahan dinamis ialah penterjemahan yang tidak mengikut bentuk karya sumber. Penterjemahan ini lebih mementingkan isi daripada bentuk sesuatu karangan. Sebagai contoh, tajuk buku atau filem mesti dibuat secara penterjemahan dinamik. Satu contoh yang terkenal di Malaysia ialah terjemahan buku Shahnon Ahmad "*Ranjau Sepanjang Jalan*" diterjemahkan menjadi "*No harvest but a thorn*" ke dalam bahasa Inggeris oleh

Adibah Amin. Penterjemahan ini dianggap cukup berjaya kerana ia membawa maksud asal tanpa mengikut bentuknya. Dalam penterjemahan peribahasa juga kaedah penterjemahan ini sangat sesuai dipraktikkan. Peribahasa “*Sediakan payung sebelum hujan*” menjadi “*Forwarned is Forearmed*”. Menurut Laurent Metzger lagi, sesuatu yang istimewa dari satu bahasa biasanya hampir ada persamaan dalam bahasa kedua.

4. Nida telah mengenalpasti bahawa dalam proses penterjemahan terdapat tiga unsur yang penting, iaitu sumber, warta (berita) dan penerima.
5. Nida juga turut menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil sebelum sesuatu terjemahan itu dijalankan. Di antaranya ialah analisis teks sebelum sesuatu penterjemahan dijalankan. Terdapat tiga peringkat sebelum sesuatu teks itu diterjemahkan, iaitu analisis teks bahasa sumber dan memahaminya, pemindahan warta dan penciptaan teks sasaran mengikut struktur-struktur bahasa sasar. (Laurent Metzger 1983:88)
6. Nida juga menyarankan agar penterjemah mempunyai kemahiran memahami konteks penggunaan sesuatu istilah. Ini adalah kerana makna bersifat anjal (fleksibel) dan tidak tetap (statik). Hal ini terjadi kerana makna merupakan hubungan antara satu ayat dengan satu idea pada masa yang tertentu. (Laurent Metzger 1983:88).

#### **2.4.3 Teori Catford (1965)**

Menurut Laurent Metzger (1983:89), Catford telah meluahkan teori

penterjemahannya dalam bukunya yang bertajuk “*A Linguistic Theory of Translation*” (Satu Teori Linguistik dari Penterjemahan). Beliau mementingkan kajian terhadap tabiat (nature) bahasa dalam sesuatu teks sebelum penterjemahan dijalankan. Kecenderungan ini dapat ditangkap melalui takrifan tentang penterjemahan yang telah dihasilkan seperti yang berikut:

*“The replacement of textual material in one language (Source language) by equivalent textual material in another language (Target Language) ”.*

Catford juga berpendapat penterjemahan boleh dilakukan sepenuhnya atau sebahagiannya. Hal ini boleh terjadi dengan mengabaikan beberapa unsur sama ada sedar atau tidak sedar dalam teks sasaran. Oleh yang demikian, beliau banyak menumpukan kepada konsep pertukaran atau penyesuaian teks bahasa sumber ke dalam bahasa sasar (*Replacement of textual*) dengan persamaan teks (*Equivalent textual material*) sehingga beliau mampu membezakan di antara penyesuaian teks dengan persamaan teks. Persamaan teks boleh berlaku jika struktur bahasa sumber dikenalkan dalam bahasa sasar. Misalnya “*Hari ini dia datang*” mempunyai persamaan dengan “*Today he comes*”. Manakala penyesuaian teks merupakan satu persamaan dengan teks sumber yang dekat tetapi tidak sepenuhnya.

Perbezaan yang berlaku mendorong Catford menggunakan istilah “*Shifts*” dalam proses penterjemahan. Menurutnya lagi, ada dua “*Shifts*” yang berlaku; pertama “*Shifts peringkat*”, iaitu menukar satu unsur daripada bahasa sumber kepada unsur yang dekat pada peringkatnya di dalam bahasa sasaran. Sebagai contoh, ungkapan di dalam bahasa Perancis “*A la maison*” yang bermaksud *di rumah* boleh ditukar ke dalam bahasa Malaysia sebagai “*dekat rumah*”, “*Shifts*” yang kedua ialah “*Shifts jenis*”, misalnya

*"White house"* menjadi *"Rumah Putih"* dalam bahasa Malaysia.

#### 2.4.4 Teori Mel'cuk (1978)

Beliau telah mengemukakan teori yang agak berbeza dari pakar-pakar penterjemahan yang terdahulu. Beliau berpendapat setiap penggunaan bahasa merupakan penterjemahan, manakala bahasa merupakan alat penterjemahan yang membolehkan pengucap atau penulis menyampaikan fikirannya, keinginannya, pendapatnya dan sebagainya melalui ucapan atau penulisan. Oleh yang demikian, penterjemahan adalah satu perkara yang sangat penting. (Laurent Metzger 1983:89).

Menurut Laurent Metzger, Mel'cuk (1978) turut berpendapat terjemahan boleh terjadi bukan sahaja di antara bahasa (Interlanguage Translation), bahkan ia turut berlaku dalam satu bahasa (Intralanguage Translation). Walau bagaimanapun menurut profesor ini, prosesnya adalah sama. Dalam hal ini, penulis berpendapat pandangan Mel'cuk (1978) lebih baik dan menarik sekali, kerana apabila seseorang (pembaca atau pendengar) tidak dapat memahami sesuatu di dalam teks, maka seringkali ia (penulis atau pengajar) menyampaikan sesuatu dengan perkataan lain atau perkataan yang lebih mudah difahami supaya teks tersebut dapat difahami oleh seseorang pembaca atau pendengar dengan lebih baik.

Menurut Mel'cuk lagi, kesukaran-kesukaran dalam penterjemahan itu timbul disebabkan perpindahan satu sistem bahasa kepada sistem bahasa yang lain. Ini adalah kerana apabila sesuatu komunikasi terjadi, bermakna satu rangkaian sistem perhubungan antara makna dan teks telah terjalin. Beliau turut membezakan dua unsur linguistik di

dalam tiap-tiap peristiwa linguistik (perbualan, syarahan, penulisan) yang berlaku, iaitu isi atau penerangan yang disampaikan oleh unsur bunyi dan huruf. De Saussure (1857-1913) menggunakan istilah (isi) dan penanda (bentuk atau bunyi). Pakar ini juga menyatakan, kesukaran di dalam penterjemahan berlaku disebabkan bahasa semulajadi merupakan satu sistem perhubungan antara makna dengan teks dan ia bukan setakat satu senarai perkataan tetapi satu sistem yang sangat istimewa. Ini bermaksud memindahkan makna dari satu bahasa kepada satu bahasa lain bukanlah satu perkara yang mudah. Pendapat ini ada persamaan dengan pendapat yang diutarakan oleh Mounin (1963) (Laurent Metzger 1983: 87). Sementara itu, halangan-halangan yang wujud dalam penterjemahan adalah kerana bahasa berfungsi untuk menentukan pandangan terhadap dunia. Dengan kata lain, dunia boleh dilihat melalui bahasa ibunda.

## 2.5 Strategi Dan Proses Penterjemahan

Memandangkan proses penterjemahan tidak semudah yang disangka, maka para penterjemah perlu mengikut langkah-langkah yang telah di sarankan oleh pakar-pakar dalam bidang ini. Menurut Catford (1965: 42) padanan kata yang dipilih dalam penterjemahan mestilah selari dengan dunia bahasa sasar, dan jika tidak, maka karya yang terhasil tidak boleh dinamakan sebagai karya terjemahan, sebaliknya sekadar pemindahan bahasa (transference). Oleh yang demikian, menurutnya lagi, untuk menghasilkan terjemahan yang bermutu, seorang penterjemah harus melakukan proses-proses berikut:

- a) Analisis teks bahasa sumber dengan ertikata meneliti bentuk-bentuk makna,

struktur tatabahasa dan gaya penulisan.

- b) Pemindahan mesej dalam bahasa sumber dengan mencari padanan yang sesuai dalam bahasa sasar. Dalam hal ini, penterjemah harus mengkaji bentuk-bentuk makna dengan struktur permukaan kedua-dua bahasa sumber dan bahasa sasaran.
- c) Penyusunan kembali agar teks terjemahan tidak dirasakan sebagai satu teks terjemahan oleh pembacanya. Bentuk-bentuk struktur permukaan di antara bahasa sumber dan bahasa sasaran perlu ditekankan. Oleh yang demikian, penterjemah harus mampu menguasai dunia bahasa sumber dan bahasa sasaran dengan sebaiknya. (Nida 1969:484, Moore 1977:149)

### 2.5.1 Persediaan awal

Pada peringkat ini, penterjemah perlu membaca secara sepantas lalu untuk memahami tema buku dan mengenal pasti gaya bahasa pengarang. Hal ini penting kerana penterjemah perlu menyelami ciri-ciri penting yang terdapat dalam sesuatu teks sama ada ia mengandungi norma dan stail (ciri linguistik) ataupun makna, isi, dan ciri-ciri bukan linguistik.

Penterjemah juga perlu menyediakan bahan-bahan rujukan termasuk buku istilah, kamus dan ensiklopedia khas terutamanya apabila penterjemah menghadapi sesuatu perkataan atau ungkapan yang sukar difahami maknanya.

Bacaan kali kedua perlu dilakukan secara lebih teliti dan terperinci untuk menghayati isi dan bahasa buku itu serta dapat mentafsir sejauh mana mudah dan sukarnya setiap bahagian dalam buku itu. (Muhammad Bukhari Lubis 1998:8)

### **2.5.2 Penterjemahan Sebenar.**

Penterjemahan sebenar dapat dilakukan dengan menterjemah setiap ayat secara berasingan (dipecahkan setiap ayat) dengan terjemahan yang betul dan tepat. Tekst sumber dipecah-pecahkan kepada perenggan, ayat, rangkai kata, dan perkataan yang mengandungi makna. Selain itu, langkah mencari penanda wacana juga penting untuk menyambungkan ayat sehingga teks kelihatan tidak janggal dan wujud sebagai satu penyatuhan.

Seterusnya penterjemah perlu membaca semula (semak) teks dengan tujuan untuk mengesan kekurangan dan memastikan makna yang dikehendaki telah diterjemahkan dengan tepat dan menyeluruh. (Muhammad Bukhari Lubis 1998:9)

### **2.5.3 Penilaian Dan Penyuntingan.**

Manuskrip terjemahan perlu dinilai mutunya oleh seorang penilai yang berkelayakan. Hal ini penting kerana buku-buku terjemahan yang rendah mutunya akan membawa kesan yang buruk kepada pembaca.

Penilai yang berkelayakan juga perlu memberikan komen dan cadangan terhadap manuskrip terjemahan supaya ia dapat dipertimbangkan oleh penterjemah. Akhir sekali,

penterjemah perlu menyunting semula manuskrip terjemahan dan memperbaikinya untuk diterbitkan sebagai satu karya terjemahan.( Muhammad Bukhari Lubis 1998:10)

## **2.6 Senario Penterjemahan Bahasa Arab Ke Dalam Bahasa Melayu .**

Menurut Laurent Metzger, (1985:269) kegiatan penterjemahan dalam bahasa Arab telah melalui dua era kegemilanganya, iaitu era Khilafah Abbāsiah (T.M 750-1258) dan yang kedua di Mesir pada abad ke-19.

Menurut Soheir Abdul Moneim pula (1993:6), usaha penterjemahan bahasa Arab telah mencapai kemuncak kemajuannya pada zaman khalifah Ḥarūn al-Rāsyīd dengan tertubuhnya perpustakaan “*Bayt al-Hikmah*” dan juga era pemerintahan Khalifah Al-Ma’mūn. Bahan-bahan yang diterjemahkan terdiri daripada tulisan-tulisan bahasa Yunani ke dalam bahasa Arab. Perpustakaan ini terletak di Baghdad dan mempunyai dua bahagian, iaitu perpustakaan dan makmal kaji bintang. Perpustakaan ini telah diketuai oleh Yaḥyā ibn Maṣāwīh yang merupakan penterjemah yang fasih berbahasa Greek, Parsi, Hindi, Coptic, Ibri dan Latin ke dalam bahasa Arab (’Arif Karkhī Abū Khudairiy 1993: 47).

Di antara tokoh-tokoh penterjemah yang masyhur pada zaman itu ialah Hunayn Ibn. Ishāq dan Thābit Ibn. Qurrah. Menurut sejarah, Khalifah al-Ma’mūn pernah membayar gaji yang amat lumayan kepada Hunayn dan Thābit sebanyak 500 dinar (Soheir Abdul Moneim 1993:146)

Di samping menterjemahkan tulisan-tulisan dalam bahasa Yunani ke dalam bahasa Arab, pusat penterjemahan tersebut juga memainkan peranan yang penting dalam melatih dan melahirkan bakal-bakal penterjemah yang berkaliber. Pada masa itu, kesulitan utama yang dihadapi oleh penterjemah ialah pembentukan istilah-istilah tertentu ke dalam bahasa Arab.

Era yang kedua berlaku di Mesir pada kurun ke-19. Mesir pada masa itu banyak terpengaruh dengan kesusasteraan Barat. Oleh yang demikian, penterjemahan tidak lagi berkisar dengan karya-karya Yunani tetapi melangkaui karya-karya dalam bahasa Perancis, Inggeris dan sebagainya. Di antara pelopor penterjemahan pada zaman itu ialah Muhammad Ali (1769-1846) dan juga Al-Tantawiy. (L.Metzger 1985:270).

Di Malaysia, usaha-usaha penterjemahan Arab-Melayu telah banyak dijalankan. Namun, kajian yang pernah dijalankan membuktikan usaha penterjemahan dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, sungguh jauh dari memuaskan (Bukhari Lubis 1998:viii). Menurutnya lagi, setiap pihak yang bertanggungjawab perlu membaiki keadaan yang sedia ada untuk melahirkan banyak penterjemah yang terlatih dalam terjemahan Arab-Melayu dan Melayu- Arab. Di antara langkah yang perlu diambil ialah menawarkan kursus-kursus penterjemahan dalam bidang terjemahan Arab-Melayu dan Melayu-Arab.

Dunia di alam siber ini sangat memerlukan kepada proses penterjemahan dari bahasa sumber ke sesuatu bahasa sasar tertentu kerana perkembangan maklumat dan teknologi begitu berkembang pesat. Justeru itu, proses penterjemahan perlu digiatkan lagi demi perkembangan ilmu dan maklumat yang sebenar dan cepat. Pencerobohan Amerika

ke atas negara Iraq misalnya tidak dapat disiarkan kebenarannya jika tidak ada pihak yang mampu menterjemahkan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Kita akan mendapat berita yang berat sebelah jika kita hanya bergantung harap kepada berita-berita dari Barat semata-mata.

Jika ditinjau kepada senario kerja-kerja penterjemahan dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, pastinya kita akan berasa kecewa dengan kemunduran peratusannya di kalangan generasi muda masa kini. Siapakah yang akan menggantikan generasi lama jika tiada perintis muda yang sanggup meneroka jalan ini. Sedangkan bahasa Arab semakin diperlukan pada masa kini untuk ketulinan maklumat dan ilmu Islam itu sendiri.

Kekurangan bahan-bahan rujukan dalam bidang ini amat dirasai sekali apabila tiada langsung bahan rujukan yang khusus untuk mengendalikan kursus-kursus penterjemahan ini. Namun demikian, yang ada hanyalah bahan-bahan yang tidak secara langsung dapat membantu aktiviti ini seperti buku-buku bahasa Arab dalam konteks terjemahan Arab-Inggeris-Arab atau Arab-Perancis-Arab, (Bukhari Lubis 1998:vii). Justeru itu, pihak-pihak terbabit sepatutnya menyedari fenomena ini dan mencari langkah segera bagi memperteguhkan bidang ini terutamanya untuk kepentingan umat Islam. Proses ini bukanlah sekadar bersifat akademik semata-mata, malahan yang lebih penting ialah untuk kepentingan Islam di masa hadapan.

## **2.7 Penutup.**

Dalam setiap bidang ilmiah yang diceburi, semestinya pengetahuan tentang aspek-aspek teori sahaja tidak dapat membantu seseorang itu menguasai ilmu dengan

sebenar-benarnya. Justeru itu, pengalaman melalui kegiatan praktikal merupakan satu perkara yang sangat penting, malahan sesetengah bidang keilmuan lebih mengutamakan aspek praktikal melebihi aspek teori. Walau bagaimanapun, penguasaan praktikal semata-mata tanpa dikukuhkan dengan aspek teori menggambarkan ketandusan idea yang akan melemahkan semangat untuk terus bersaing terutamanya dalam dunia globalisasi masa kini dan masa depan.

Kefahaman yang mendalam berkaitan aspek-aspek penting seperti teori dan konsep dalam bidang penterjemahan mampu menjamin karya terjemahan yang baik dan bertepatan dengan maksud teks asal. Di samping itu, ia juga turut memberikan gambaran yang luas tentang dunia penterjemahan dan dapat membentulkan anggapan sesetengah penterjemah yang mengatakan penterjemahan hanyalah pertukaran perkataan dari bahasa sumber ke dalam bahasa sasar sahaja.

Rentetan itu, dengan hanya mengkaji aspek-aspek penting dalam bidang terjemahan seperti teori penterjemahan, konsep penterjemahan dan kaedah penterjemahan sahaja tidak memadai untuk menjadikan seseorang itu penterjemah yang berkelibar, sebaliknya penterjemah perlu melakukan penterjemahan teks dari bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran secara praktikal. Ini adalah kerana pengalaman penterjemah ketika menjalankan kerja-kerja terjemahan merupakan panduan yang penting bagi penterjemah lain untuk melakukan sesuatu penterjemahan.